



JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps>

How to cite this article:

Khairul Azhar, N. A., & Asalal, N. (2025). Faktor dan cabaran dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR): Kajian kes di Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 28(1), 16-37. <https://doi.org/10.32890/jps.2025.28.1.2>

FAKTOR DAN CABARAN DALAM MENANGANI MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA DI KAWASAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR): KAJIAN KES DI LEMBAH SUBANG 1 DAN 2

*(Factors and Challenges in Addressing Social Problems among Adolescents in
the Public Housing Program (PPR) Area: Case Study in Subang Valley 1 and 2)*

Nur Adila Khairul Azhar & ¹Nurzaimah Asalal

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

¹Corresponding author: nurzaimah@fsk.upsi.edu.my

Received: 20/12/2024

Revised: 11/07/2025

Accepted: 20/07/2025

Published: 31/07/2025

ABSTRAK

Masalah sosial sering dikaitkan dengan kemiskinan, jenayah dan fenomena sosiobudaya yang menghalang masyarakat daripada mengecapi potensi maksima mereka. Artikel ini membincangkan tentang faktor dan cabaran dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja di Program Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2. Seramai 250 orang responden terlibat dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pengedaran soal selidik. Analisis data menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) melalui ujian deskriptif. Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang mendorong remaja mengalami masalah sosial seperti faktor kewangan, faktor persekitaran, faktor diri sendiri dan juga faktor keluarga. Selain itu, dari aspek cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menangani gejala sosial ini adalah seperti kurangnya pengawasan daripada ibu bapa, anak yang sering memberontak, masalah ekonomi yang dihadapi, perbezaan budaya dan nilai serta pergaulan ibu bapa dan anak yang semakin terhad. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa langkah yang relevan seperti memperkasakan penguatkuasaan undang-undang, melakukan kempen-kempen kesedaran dan keperluan ibu bapa meluangkan lebih banyak masa bersama anak-anak.

Kata Kunci: Faktor, cabaran, strategi, PPR, masalah sosial remaja.

ABSTRACT

Social problems are often associated with poverty, crime, and sociocultural phenomena that hinder communities from reaching their full potential. This article discusses the factors and challenges in addressing social issues among adolescents living in the Public Housing Program (PPR) in Lembah Subang 1 and 2. A total of 250 respondents participated in this study, which employed a quantitative method through the distribution of questionnaires. Data analysis was conducted using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) through descriptive testing. Overall, the findings indicate that various factors contribute to adolescents experiencing social problems, including financial constraints, environmental influences, personal factors, and family-related issues. In addition, challenges faced by parents in addressing these social issues include lack of parental supervision, rebellious behavior among children, economic difficulties, cultural and value differences, as well as increasingly limited parent-child interactions. Based on the findings, several relevant measures are recommended, such as strengthening law enforcement, conducting awareness campaigns, and encouraging parents to spend more quality time with their children.

Keywords: *Factors, challenges, strategies, Public Housing Program (PPR), adolescent social problems.*

PENGENALAN

Masalah sosial merupakan isu yang semakin membimbangkan dalam masyarakat moden, khususnya dalam kalangan remaja yang terdedah kepada pelbagai bentuk pengaruh negatif. Fenomena ini merangkumi pelbagai aspek seperti jenayah, penyalahgunaan dadah, gejala ponteng sekolah, keruntuhan akhlak, dan keruntuhan institusi keluarga. Dalam konteks Malaysia, masalah sosial sering dikaitkan dengan tekanan hidup akibat kemiskinan, pengangguran, kekurangan pendidikan, serta pengaruh persekitaran yang tidak sihat. Oleh itu, masalah sosial boleh diklasifikasikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian bagi keadaan yang menimbulkan kesulitan kepada sesebuah masyarakat. Kawasan berpendapatan rendah seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) sering menjadi tumpuan dalam kajian masalah sosial kerana pelbagai faktor risiko yang wujud di persekitaran tersebut. Remaja yang tinggal di kawasan ini cenderung untuk mengalami tekanan psikososial dan keterbatasan peluang yang boleh menyumbang kepada pembentukan tingkah laku negatif. Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan individu, tetapi turut menjejaskan kestabilan sosial dan ekonomi negara secara keseluruhan.

Dalam usaha mencapai potensi sesebuah masyarakat, keadaan persekitaran atau tempat tinggal yang selesa merupakan antara hak asasi setiap manusia. Namun, bagi sesetengah keluarga yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah serta mempunyai ramai tanggungan, mereka sering menghadapi kesukaran untuk membayar sewaan rumah. Keadaan ini menyebabkan golongan tersebut sukar memperoleh rumah atau tempat tinggal yang sesuai. Dalam konteks Malaysia, pengkelasan isi rumah dibuat mengikut kategori iaitu Miskin Tegar, B40, M40 dan T20. B40 merangkumi 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah, M40 mewakili 40 peratus isi rumah berpendapatan pertengahan, manakala T20 terdiri daripada 20 peratus isi rumah berpendapatan tertinggi. Takrifan ini digunakan bagi menentukan kedudukan sosioekonomi masyarakat di Malaysia.

Bagi menangani isu ketidakmampuan memiliki atau menyewa kediaman dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah terutama bagi kategori miskin tegar dan B40, kerajaan telah melaksanakan

beberapa inisiatif, antaranya Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Kedua-dua program ini berbeza dari segi pelaksanaan dan bentuk bantuan yang disediakan. Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan inisiatif di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), yang menawarkan kemudahan perumahan dalam bentuk rumah untuk dibeli atau disewa. Sebaliknya, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), dan memberikan bantuan sama ada dalam bentuk pembinaan rumah baharu atau pembaikan rumah sedia ada bagi golongan miskin tegar di kawasan luar bandar. Dalam pembentangan Belanjawan 2024, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM546 juta bagi meneruskan pelaksanaan 36 projek PPR, termasuk satu projek baharu yang dirancang di Kluang, Johor. Sebanyak 15 buah projek PPR dijangka siap menjelang tahun 2025, yang akan memberi manfaat kepada kira-kira 5,100 isi rumah. Rumah-rumah di bawah projek PPR biasanya berbentuk pangsapuri bertingkat antara lima hingga 18 tingkat, terutamanya di kawasan bandar utama. Setiap unit kediaman dibina dengan keluasan minimum 700 kaki persegi, dan dilengkapi dengan tiga bilik tidur, satu ruang tamu, satu ruang dapur serta dua bilik air.

Berdasarkan situasi ini, kediaman yang sempit dan sesak menyebabkan ruang peribadi sukar diperolehi. Ahli keluarga terpaksa berkongsi bilik, dan tiada ruang untuk bersendirian atau menenangkan diri, terutamanya bagi remaja. Keadaan ini boleh menimbulkan konflik dalaman, pertengkaran, tekanan emosi, dan seterusnya membawa kepada masalah seperti kemurungan, penyalahgunaan bahan, atau lari dari rumah. Nurzatil Ismah et al. (2015) dan Mohd Musnizam et al. (2012) yang turut menunjukkan antara faktor utama keterlibatan dengan gejala sosial adalah persekitaran kediaman remaja itu sendiri. Walaupun Program PPRT bertujuan membantu golongan miskin tegar mendapatkan tempat tinggal, kualiti ruang kediaman yang tidak memadai boleh memberi kesan langsung kepada perkembangan sosial dan psikologi penduduk, khususnya kanak-kanak dan remaja. Justeru, satu kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor yang mendorong remaja terlibat dalam gejala sosial serta cabaran bagi pihak kerajaan serta keluarga dalam menangani gejala ini terhadap penduduk di PPR.

SOROTAN LITERATUR

Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa remaja merupakan golongan yang paling terdedah kepada pelbagai bentuk masalah sosial akibat daripada perubahan emosi, tekanan rakan sebaya, serta cabaran dalam proses pembentukan identiti diri (Azman et al., 2021; Noraini & Ismail, 2020). Selain itu, persekitaran tempat tinggal, khususnya di kawasan berpendapatan rendah seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), sering dikaitkan dengan peningkatan risiko gejala sosial seperti vandalisme, penyalahgunaan bahan, dan ponteng sekolah (Rahman et al., 2019). Bagi tujuan kajian ini kawasan PPR Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2 menjadi tumpuan pengkajian berikutan kawasan ini terletak di tengah kawasan Bandar yang pesat. Kajian sebelum ini banyak memfokuskan kepada kawasan PPR lain dan sekolah-sekolah yang berdekatan dengan kawasan bandar. Dari aspek pemilihan responden, kajian ini akan melibatkan golongan remaja yang berumur 18 tahun ke atas untuk mengetahui aspek bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial dan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menyelesaikan masalah sosial anak mereka serta langkah yang boleh diambil oleh keluarga, NGO dan kerajaan bagi menangani masalah sosial yang berlaku di kawasan PPR. Kajian terdahulu banyak memfokuskan kepada penglibatan responden dalam kalangan pelajar sekolah dan memfokuskan kepada mengenal pasti faktor masalah sosial dalam konteks pelajar sekolah (Noor Adilah, et al., 2020; Amaludin, 2007 dan Nor Khairiah dan Siti Fardaniah, 2019).

Oleh itu, kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu faktor yang mendorong remaja kawasan PPR mengalami masalah sosial. Bahagian kedua iaitu cabaran yang dihadapi sebagai ibu dan bapa dalam menyelesaikan masalah sosial anak mereka dan yang ketiga ialah langkah-langkah yang boleh diambil oleh keluarga, NGO dan kerajaan bagi menangani masalah sosial.

Faktor yang Mendorong Remaja di Program Perumahan Rakyat (PPR) Mengalami Masalah Sosial

Bahagian ini menyorot kajian-kajian lepas berkaitan dengan faktor yang mendorong remaja di PPR mengalami masalah sosial. Bahagian ini membolehkan penyelidik membandingkan dan menilai kajian-kajian faktor yang mendorong remaja mempunyai masalah sosial. Ramai sarjana antaranya Noor Adilah, Nor Jana dan Ezarina (2020), Amaludin (2007) dan Nor Khairiah dan Siti Fardaniah (2019) yang telah menyelidik faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mempunyai masalah sosial.

Faktor Rakan Sebaya

Antara faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial ialah daripada pengaruh rakan sebaya. Menurut Nor Khairiah & Siti Fardaniah (2019), remaja mempunyai sikap ingin tahu, keadaan ini menyebabkan golongan ini cenderung untuk melakukan perkara negatif seperti vandalisme, mencuri atau melakukan sesuatu jenayah kerana didorongi sikap ingin tahu mereka. Berdasarkan sikap ini, golongan remaja sudah pasti lebih cenderung untuk terjerumus dalam gejala sosial tidak sihat. Begitu juga kajian Rafidah dan Izyan (2017), dalam kajian mereka yang mengkaji tentang faktor pelindung dalam kalangan remaja. Situasi ini berlaku kerana golongan remaja ini sering lepak di kawasan kediaman mereka dan sekali gus mendorong golongan remaja ini ingin mencuba sesuatu yang diluar norma kehidupan harian mereka.

Faktor Kekeluargaan

Remaja yang berumur antara umur 10-24 tahun, merupakan golongan yang perlu diambil berat tentang banyak perkara seperti keberadaan mereka, emosi dan banyak lagi. Kebanyakan remaja yang mengalami masalah sosial adalah disebabkan ibu bapa yang kurang dalam mengambil tahu tentang isu atau masalah yang berlaku kepada remaja atau anak mereka (Ezhar et al., 2007). Situasi ini menyebabkan mereka terasa seperti diabaikan dan kurang perhatian diberikan oleh ibu bapa juga menyebabkan mereka lebih banyak masa bersama kawan-kawan di kawasan tempat tinggal. Pergaulan bebas tanpa mengira waktu sehingga lewat malam sememangnya boleh mempengaruhi fikiran dan emosi remaja untuk mengikuti tingkah laku kawan-kawan untuk melakukan gejala sosial yang tidak sihat (Hanafi, 2020).

Selain itu, faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial ialah faktor kemiskinan. Menurut Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, syarat bagi memohon PPR, isi pendapatan tidak kurang RM 3000.00 ke bawah layak memohon. Tetapi perkara ini turut menjadi satu faktor berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja. Sebagai contoh ibu bapa yang tidak mampu memenuhi keinginan anak-anak mereka, maka dengan itu mereka terjerumus kepada pencurian kerana isi pendapatan yang rendah. Kemiskinan menjadi faktor yang mendorong ke arah jenayah seperti rompakan, kecurian dan lain-lain lagi. Hanafi (2020) menyatakan banyak kes kecurian yang telah direkodkan oleh pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) adalah dipengaruhi oleh faktor kemiskinan atau kesusahan yang dihadapi oleh remaja itu sendiri.

Faktor Media/Aplikasi

Nurzatil et al. (2021) menyatakan media massa dan penggunaan teknologi juga tidak terlepas menjadi salah satu faktor remaja cenderung ke arah masalah sosial. Golongan remaja kini juga ke arah pendigitalan. Pendedahan golongan remaja dengan aplikasi seperti *Facebook, Instagram, Tik Tok, Youtube, WhatsApp* dan aplikasi lain menyebabkan golongan remaja ini terdedah dan sering mendapatkan perhatian melalui aplikasi ini. Pendedahan dengan aplikasi ini juga mencenderungkan remaja untuk terlibat dengan penipuan siber, buli siber dan melibatkan diri dengan dadah, rempit, hubungan songsang berikutan bebas dalam menggunakan aplikasi digital ini.

Kebolehcapaian yang mudah dan kurangnya kawalan terhadap penggunaan teknologi ini menimbulkan cabaran besar kepada ibu bapa dan pihak berkuasa dalam usaha membendung gejala sosial yang berasaskan dunia maya. Tambahan pula, fenomena ini semakin meruncing apabila remaja mengalami kekurangan kemahiran literasi digital yang kritikal untuk menilai kebenaran maklumat dan melindungi diri mereka daripada risiko siber. Oleh itu, media massa dan teknologi digital, walaupun membawa pelbagai manfaat, juga berperanan sebagai medium yang boleh mempercepatkan penyebaran masalah sosial dalam kalangan remaja jika tidak diuruskan dengan baik.

Faktor Pergaulan Bebas

Faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial ialah pergaulan yang terlalu bebas. Masalah sosial yang agak ketara berlaku dalam kalangan remaja perempuan di kawasan PPR ialah berkaitan dengan salah laku seks bebas dan lepak. Golongan remaja perempuan mungkin terjebak dengan kegiatan yang tidak bermoral ini kerana terpengaruh dengan cara gaya hidup bebas (Wan Farhanah & Sakinah, 2022). Keadaan ini dapat dilihat melalui kewujudan kumpulan bohsia di kalangan gadis-gadis remaja. Masalah lepak pula dianggap sebagai trend masa kini di semua kawasan sama ada di luar bandar atau luar bandar. Remaja yang kerap melepak ini didapati kebanyakannya berasal dari golongan sosioekonomi rendah, yang mana kekurangan peluang dan pengawasan keluarga mendorong mereka kepada aktiviti yang tidak berfaedah dan berpotensi merosakkan masa depan mereka (Salleh & Ahmad, 2019; Hasan et al., 2021). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana tabiat melepak bukan sahaja menyebabkan pembaziran masa, malah sering dikaitkan dengan peningkatan risiko terjebak dalam jenayah dan gejala sosial lain seperti penyalahgunaan bahan terlarang dan pelanggaran undang-undang. Oleh itu, isu pergaulan bebas dan aktiviti melepak dalam kalangan remaja PPR perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib, keluarga, dan komuniti bagi memastikan intervensi yang berkesan dapat dilaksanakan untuk membendung perkembangan masalah sosial ini.

Faktor Persekitaran

Faktor persekitaran memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku remaja dan boleh menjadi pendorong utama kepada masalah sosial dalam kalangan mereka. Persekitaran yang kurang kondusif, seperti kawasan kejiranan yang sesak, kurang kemudahan rekreasi, dan kehadiran aktiviti jenayah, sering meningkatkan risiko remaja terjebak dalam kegiatan yang tidak sihat (Ahmad et al., 2018). Kajian oleh Saiful dan Norlina (2020) menunjukkan bahawa remaja yang tinggal di kawasan dengan kadar jenayah yang tinggi dan kurangnya pengawasan komuniti lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti vandalisme, penyalahgunaan dadah, dan pergaulan bebas. Selain itu, ketiadaan ruang sosial yang positif dan tempat beriadah yang selamat menyebabkan remaja mencari alternatif negatif seperti melepak di tempat awam yang kurang selamat (Zainuddin & Farah, 2019).

Persekitaran keluarga juga merupakan aspek penting dalam konteks persekitaran sosial. Kekurangan komunikasi yang berkesan dan pengabaian daripada ibu bapa atau penjaga boleh menjadikan remaja lebih mudah terpengaruh oleh rakan sebaya yang mempunyai sikap negatif (Rahman & Latiff, 2021). Dalam konteks komuniti PPR, faktor persekitaran yang tidak stabil seperti ketidakhadiran nilai-nilai sosial yang positif dan tekanan hidup yang tinggi turut menyumbang kepada kerentanan remaja terhadap masalah sosial (Kamaruddin, 2017). Oleh itu, persekitaran yang negatif dan tidak menyokong boleh mempercepatkan proses keterlibatan remaja dalam masalah sosial, sekaligus menuntut pendekatan holistik yang melibatkan komuniti, keluarga, dan agensi kerajaan dalam usaha membentuk persekitaran yang lebih sihat dan selamat.

Cabaran Ibu Bapa dalam Mengendali Anak yang Mempunyai Masalah Sosial

Kajian Aisyah (2017) mendapati bahawa keluarga juga dapat memberikan makna kepada peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas dalam memberi bantuan kepada remaja yang mempunyai masalah sosial ini. Menurut kajian tersebut, keluarga berupaya memberikan makna dan kefahaman yang lebih mendalam terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam membimbing serta memulihkan remaja yang terlibat dalam gejala sosial. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran menghalang keberkesanan keluarga dalam menjalankan tanggungjawab ini. Aisyah (2017) membahagikan cabaran tersebut kepada dua kategori utama, iaitu pengaruh luaran dan pengaruh dalaman. Pengaruh luaran merangkumi faktor seperti tekanan rakan sebaya, pengaruh negatif daripada persekitaran tempat tinggal, kurangnya sokongan komuniti, dan norma masyarakat yang semakin longgar. Kesemua faktor ini boleh menyebabkan keluarga hilang kawalan terhadap tingkah laku anak-anak, terutamanya dalam komuniti berisiko tinggi seperti kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). Sementara itu, pengaruh dalaman pula berkaitan dengan dinamika dan kekangan dalaman sesebuah keluarga itu sendiri. Ini termasuklah konflik antara ibu bapa, ketidakstabilan ekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, kekurangan kemahiran keibubapaan, serta kelemahan komunikasi antara ahli keluarga. Faktor-faktor ini sering menjadikan proses pembentukan sahsiah dan disiplin dalam kalangan remaja lebih mencabar (Zulkifli & Rozita, 2020). Oleh itu, untuk menangani isu ini secara holistik, pendekatan sokongan keluarga perlu diperkasakan melalui pendidikan keibubapaan, sokongan komuniti setempat, dan dasar kerajaan yang menyokong pembentukan keluarga sejahtera.

Cabaran utama yang perlu dihadapi oleh ibu bapa dalam menangani anak-anak yang terlibat dalam masalah sosial ialah pengaruh rakan sebaya. Pengaruh ini sering membawa kesan yang besar terhadap remaja kerana mereka menghabiskan sebahagian besar masa harian bersama rakan-rakan, terutamanya di luar rumah dan di sekolah. Akibatnya, remaja menjadi lebih rapat dan selesa bersama rakan berbanding dengan ahli keluarga sendiri. Menurut laporan Sinar Harian (2019), terdapat keadaan di mana ibu bapa tanpa sedar membebankan pemikiran dan emosi anak-anak melalui harapan yang terlalu tinggi atau tekanan yang tidak terkawal. Keadaan ini menyebabkan remaja menjauhkan diri daripada keluarga dan mencari penyelesaian emosi bersama rakan-rakan atau individu di luar rumah. Dalam hal ini, pengaruh rakan sebaya semakin kukuh apabila golongan remaja cenderung kepada hiburan dan aktiviti santai bersama rakan, seperti melepak dan bersosial di luar waktu persekolahan (Absha Atiah & Mohd Isa, 2019). Ketiga-tiga faktor ini iaitu pengaruh kuat rakan sebaya, tekanan dalaman daripada ibu bapa, serta kecenderungan remaja terhadap hiburan merupakan antara cabaran signifikan yang menyukarkan ibu bapa untuk memantau, membimbing, dan mempengaruhi keputusan sosial anak-anak mereka. Dalam konteks ini, komunikasi yang terbuka, pendekatan keibubapaan yang lebih empati, serta pemantauan yang berterusan amat diperlukan bagi membantu remaja membuat pilihan sosial yang lebih sihat.

Satu lagi cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa dalam menangani anak-anak yang terlibat dalam masalah sosial ialah sikap pemberontakan dalam kalangan remaja. Pemberontakan ini lazimnya berlaku setelah wujud percanggahan antara harapan dan matlamat ibu bapa dengan nilai serta keinginan peribadi remaja. Remaja yang merasakan diri mereka tidak difahami atau dikongkong oleh ibu bapa akan cenderung untuk mencari kelompok rakan yang dianggap lebih serasi dengan jiwa mereka. Dalam proses ini, mereka mungkin terdedah kepada pergaulan bebas dan pengaruh negatif daripada kumpulan sebaya (Zulkifli & Rozita, 2020).

Selain itu, penggunaan teknologi turut menjadi salah satu cabaran utama bagi ibu bapa dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja. Penggunaan teknologi secara berlebihan bukan sahaja boleh merosakkan akhlak anak-anak, malah turut mengehadkan interaksi mereka dengan ibu bapa. Menurut Nurhamizah dan Asbah Razali (2019), penggunaan teknologi secara berlebihan menyebabkan komunikasi antara anak dan ibu bapa menjadi kurang berkesan, sehingga wujud jurang komunikasi dalam keluarga. Keadaan ini akhirnya menjejaskan perkembangan sosial remaja.

Strategi Mengatasi Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja

Pelbagai langkah yang perlu diambil perhatian dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja sama ada pihak kerajaan, ibu bapa, sekolah serta masyarakat. Tindakan agresif adalah perlu bagi membantu melahirkan remaja yang lebih positif dan bebas dari gejala tidak sihat. Dalam aspek kerajaan, telah banyak inisiatif yang dilaksanakan. Menurut Muhammad Adil (2023), hasil kajian yang dijalankan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui analisis data penggunaan media sosial dan temubual bersama pengguna remaja mendapati bahawa media sosial memberi impak yang positif dan negatif dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja. Oleh itu, kawalan kerajaan dan juga peranan individu dalam pengaruh media sosial ini perlu diperkukuhkan bagi meminimumkan ancaman masalah sosial dalam kalangan remaja. Hal ini menunjukkan Malaysia menjadi antara negara yang paling tinggi dalam penggunaan media sosial.

Antara inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan tujuh teras Nadi Keunggulan KPM, yang salah satunya menekankan aspek karamah insaniah melalui nilai adab, akhlak dan integriti. Inisiatif ini bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang harmoni serta mencegah pelbagai gejala negatif seperti buli, gangguan seksual, ekstremisme, gengsterisme dan vandalisme. KPM juga melaksanakan langkah-langkah pemantauan proaktif melalui pegawai PDRM di sekolah dan kempen Duta Sahsiah untuk meningkatkan kesedaran murid terhadap salah laku. Selain itu, pada tahun 2023 juga KPM telah meningkatkan bilangan kaunselor sekolah kepada 55.07% bagi mengawal gejala sosial di sekolah (Laporan Tahunan KPM, 2023).

Selain peranan pihak kerajaan, peranan ibu bapa dan masyarakat juga sangat penting dalam menangani gejala masalah sosial dalam kalangan remaja, khususnya mereka yang tinggal di kawasan PPR. Ibu bapa yang menjalankan komunikasi terbuka dan memberikan sokongan emosi kepada anak-anak dapat mengurangkan risiko remaja untuk tidak terjebak dalam pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, buli, vandalisme, dan penglibatan dalam aktiviti gengsterisme (Abdul Rahman & Sulaiman, 2020). Dalam konteks ini, kehadiran ibu bapa yang peka dan bertanggungjawab bukan sahaja mampu memantau aktiviti anak-anak, malah dapat membimbing mereka ke arah nilai-nilai positif serta pembentukan sahsiah yang baik.

Di samping itu, masyarakat setempat juga memainkan peranan yang sangat penting sebagai jaringan sokongan sosial yang membantu memperkukuh ketahanan remaja terhadap pengaruh negatif. Kajian

oleh Ismail et al. (2018) menekankan bahawa penglibatan aktif komuniti melalui pelbagai program kemasyarakatan seperti aktiviti sukan, kem kepimpinan dan kelas bimbingan akan mampu membentuk nilai sosial yang positif dan memberikan perlindungan sosial kepada remaja di kawasan PPR. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekang gejala sosial malah dapat menggalakkan budaya tolong-menolong dan tanggungjawab sosial dalam kalangan penduduk setempat. Keadaan ini menunjukkan, interaksi yang positif antara ibu bapa, sekolah dan masyarakat secara kolektif dapat memperkukuhkan sistem sokongan untuk remaja. Kajian Zainal dan Rahim (2019) menunjukkan, kerjasama erat antara ketiga-tiga pihak ini mampu menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk perkembangan remaja secara menyeluruh. Dalam konteks kawasan PPR yang sering dikaitkan dengan cabaran sosioekonomi, pendekatan kolaboratif ini sangat kritikal untuk mengurangkan pendedahan remaja kepada faktor risiko yang menyebabkan mereka terlibat dalam masalah sosial.

Peranan kerajaan sangat penting dalam merangka dasar dan menyediakan program-program sokongan sebagai langkah yang proaktif dalam menangani masalah sosial. Kejayaan dalam usaha menangani masalah sosial dalam kalangan remaja terutamanya di kawasan PPR sangat bergantung kepada penglibatan aktif daripada pihak kerajaan, ibu bapa dan masyarakat. Dengan adanya kesedaran dan tindakan bersama diharapkan gejala negatif dalam kalangan remaja dapat diminimumkan demi melahirkan generasi yang lebih cemerlang dan berdaya saing.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian menggunakan kaedah analisis deskriptif. Kaedah ini dipilih kerana bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu mengkaji peristiwa yang sedang berlaku. Jenis penyelidikan deskriptif yang digunakan adalah kajian tinjauan (*survey*). Kajian tinjauan adalah pendekatan deskriptif yang digunakan dengan meluas dalam bidang penyelidikan bagi mengumpul data dan maklumat (Azizi, 2007). Kajian tinjauan juga banyak digunakan dalam bidang pendidikan. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan ataupun ribuan responden (Marican, 2006).

Bagi tujuan kajian ini, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kuantitatif. Instrumen pengumpulan data bagi kajian ini ialah soal selidik yang dibina menggunakan platform *Google Forms*. Pautan *google forms* telah disebarikan kepada penghuni di kawasan PPR Lembah Subang 1 dan PPR Lembah Subang 2. Kaedah ini memudahkan, menjimatkan masa, kos dan tenaga pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Dalam konteks reka bentuk kajian ini dipilih agar dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu faktor-faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial serta cabaran yang dihadapi sebagai ibu dan bapa dalam menyelesaikan masalah sosial anak mereka dan juga langkah - langkah yang boleh diambil oleh keluarga, NGO dan pihak kerajaan bagi menangani masalah sosial yang berlaku di kawasan PPR.

Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian

Populasi kajian ini menyasarkan penduduk yang mendiami di Program Perumahan Rakyat (PPR) antara golongan remaja yang berumur 18 tahun hingga 24 tahun dan golongan dewasa antara umur 25 tahun hingga 60 tahun dan ke atas. Pemilihan populasi ini dapat memberikan maklumat yang betul dan sah untuk digunakan dalam kajian ini.

Sampel adalah kumpulan yang akan dikaji yang diperolehi daripada populasi. Manakala, persampelan pula adalah membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian kumpulan yang lebih besar atau mendapatkan sampel sasaran. Menurut Azizi (2007) menyatakan beberapa teknik dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi yang tepat. Persampelan bertujuan kepada prosedur persampelan iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja yang dipilih dan sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan pengkaji.

Ciri-ciri yang ditetapkan oleh pengkaji adalah mereka penghuni yang mendiami dan tinggal di PPR. Responden kajian ini adalah dipilih secara rawak mudah, jumlah sebenar penghuni yang mendiami di PPR tidak dapat ditetapkan. Justeru itu, pengkaji mengambil jumlah minimum responden seramai 250 orang. Krejcie dan Morgan (1970) menyatakan, bagi populasi yang tidak dapat ditetapkan boleh menggunakan minimum seramai 30 orang responden. Oleh itu, pengkaji akan menetapkan seramai 250 orang penghuni PPR sahaja menjadi responden dalam kajian ini. Bilangan sampel bersesuaian dengan kajian kuantitatif yang memerlukan bilangan sampel yang besar untuk mewakili populasi yang dikaji.

Seterusnya, lokasi kajian telah ditetapkan kepada 2 kawasan sahaja iaitu di PPR Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2 di Selangor. Sebanyak 159 projek PPR yang ada di Malaysia tetapi pengkaji mengecilkan fokus kajian iaitu hanya menggunakan 2 tempat sahaja. Pemilihan dua kawasan ini juga adalah strategik kerana PPR Lembah Subang merupakan kawasan perumahan rakyat yang mempunyai populasi remaja yang padat dan pelbagai latar belakang sosioekonomi, sekaligus membolehkan kajian ini memberi gambaran yang lebih jelas tentang gejala sosial dalam kalangan remaja di kawasan PPR (Yusof & Ahmad, 2019).

Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dilakukan oleh pengkaji sendiri. Proses pengumpulan data memerlukan pengkaji datang secara fizikal di kawasan PPR Lembah Subang 1 dan Lembah Subang 2. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menggunakan borang secara fizikal. Sebaliknya, pengkaji telah menyediakan pautan '*Google Form*' yang boleh diisi oleh responden yang sesuai dan setuju untuk terlibat dalam kajian ini. Pengkaji kongsi pautan kepada responden dan mereka hanya perlu menjawab sama ada menggunakan telefon pengkaji atau pengkaji menghantar pautan '*Google Form*' melalui aplikasi *Whatsapp*. Kaedah ini lebih mudah bagi membantu pengkaji mendapatkan responden yang telus dan sesuai sebagai objek kajian. Pengkaji juga telah mendapatkan persetujuan daripada responden untuk terlibat secara sukarela. Tiada paksaan dan responden berhak untuk menolak atau tidak menjawab pautan yang dikongsi.

Kaedah Menganalisis Data

Kajian ini menggunakan analisis data deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk menjelaskan fenomena yang berkaitan dengan sesuatu populasi kajian atau untuk membuat anggaran terhadap populasi yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Persembahan data deskriptif selalunya adalah dalam bentuk graf, carta, graf rajah, purata, min dan mod atau taburan kekerapan. Kajian ini juga menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) untuk menganalisis data yang diperolehi. Analisis melalui SPSS merangkumi analisis deskriptif untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan mengenai demografi responden.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Jadual 1.0 merupakan jumlah reponden mengikut jantina. Berdasarkan analisis mengikut jantina, kajian ini mendapati bahawa responden lelaki lebih ramai iaitu sebanyak 77.6 peratus (194 orang) berbanding dengan responden perempuan yang hanya seramai 56 orang (22.4%) sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Penglibatan lelaki yang lebih ramai dalam kajian ini mungkin disebabkan oleh penyebaran pautan *google form* adalah melalui rakan-rakan atau jiran-jiran di PPR tersebut. Justeru ianya telah mempengaruhi penglibatan responden lelaki yang lebih ramai.

Jadual 1

Jumlah Responden mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	194	77.6
Perempuan	56	22.4
Jumlah Keseluruhan	250	100

Jadual 1 merupakan maklumat tentang umur responden yang terlibat. Berdasarkan penemuan kajian, seramai 11 orang responden (4.4%) yang berumur 18 hingga 24 tahun manakala bagi umur 25 hingga 30 tahun mempunyai seramai 21 orang responden (8.4%). Peringkat umur yang seterusnya iaitu 31 hingga 40 tahun, seramai 50 orang responden (20%) telah terlibat dalam kajian ini. Manakala mereka yang berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 49 orang responden (19.6%). Seterusnya, bagi umur 51 hingga 60 tahun, seramai 103 orang responden (41.2%) terlibat dalam kajian ini. Pengkaji mendapati kajian yang dilakukan melibatkan lebih ramai mereka yang berumur di antara 51 hingga 60 tahun iaitu seramai 103 orang responden (41.2%). Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh pendudukan di kawasan tersebut majoriti dalam lingkungan umur tersebut.

Jadual 2

Jumlah Responden mengikut Umur

Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
18 - 24 Tahun	11	4.4
25 - 30 Tahun	21	8.4
31 - 40 Tahun	50	20
41 - 50 Tahun	49	19.6
51 - 60 Tahun	103	41.2
61 Tahun Ke Atas	16	6.4
Jumlah Keseluruhan	100	100

Jadual 2 merupakan maklumat responden yang terlibat mengikut kategori bangsa. Berdasarkan penemuan yang dilakukan dalam kajian ini, seramai 88 peratus (220 orang) responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan bangsa melayu. Hal ini mungkin disebabkan penduduk di PPR Di Lembah Subang 1 dan 2 majoriti adalah berbangsa melayu berbanding dengan bangsa-bangsa yang lain. Diikuti

dengan bangsa bumiputera iaitu Sabah dan Sarawak seramai 12 orang (4.8%). Selain itu, terdapat seramai sembilan orang (3.6%) responden yang berbangsa India dalam penemuan kajian ini manakala seramai lapan orang (3.2%) adalah responden yang berbangsa Cina dan bangsa yang terakhir sekali ialah bangsa punjabi yang mempunyai satu responden (0.4%).

Jadual 3

Jumlah Responden mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
Melayu	220	88
Cina	8	3.2
India	9	3.6
Bumiputera	12	4.8
Punjabi	1	0.4
Keseluruhan	250	100

Jadual 3 merupakan maklumat responden yang terlibat mengikut kategori agama. Berdasarkan penemuan yang dilakukan dalam kajian ini, seramai 228 orang (91.2%) responden ialah beragama islam sekaligus menunjukkan bahawa agama islam adalah agama majoriti bagi penduduk yang tinggal di kawasan PPR. Diikuti pula dengan agama Buddha iaitu seramai lapan orang (3.2%) responden serta seramai tujuh orang responden beragama Hindu bersamaan dengan 2.8 peratus. Seterusnya, agama Kristian mempunyai seramai enam orang (2.4%) responden dan akhir sekali bagi agama Sikh mempunyai satu orang (0.4%) responden.

Jadual 4

Jumlah Responden mengikut Agama

Agama	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
Islam	228	91.2
Buddha	8	3.2
Hindu	7	2.8
Kristian	6	2.4
Sikh	1	0.4
Keseluruhan	250	100

Jadual 4 merupakan maklumat responden yang terlibat mengikut kategori pekerjaan. Berdasarkan penemuan yang dilakukan dalam kajian ini, terdapat 61.6 peratus iaitu bersamaan dengan 154 orang responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai status pekerjaan kerajaan seperti polis, tentera, kerani, jururawat dan sebagainya. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 berkaitan maklumat pekerjaan, terdapat 13.2 peratus (33 orang responden) yang bekerja di sektor swasta manakala bagi responden pelajar dan tidak bekerja mempunyai bilangan yang sama iaitu seramai 19 orang bersamaan dengan 7.6 peratus. Bagi responden yang tidak bekerja kebiasaannya ialah suri rumah sepenuh masa dan sebagainya. Akhir sekali, bagi responden yang lain-lain yang merangkumi pekerja ladang, berniaga dan pesara kerajaan mempunyai seramai 25 orang responden yang bersamaan dengan 10 peratus.

Jadual 5*Jumlah Responden mengikut Pekerjaan*

Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Kerajaan	154	61.6
Swasta	33	13.2
Pelajar	19	7.6
Tidak Bekerja	19	7.6
Lain-lain	25	10
Keseluruhan	250	100

Faktor-Faktor Remaja Terlibat dengan Masalah Sosial

Artikel ini membincangkan 10 faktor remaja terlibat dalam masalah sosial iaitu pengaruh rakan sebaya, kurang didikan agama, tekanan perasaan, masalah kekeluargaan, masalah ekonomi, pengaruh negatif media massa, sikap individualistik masyarakat, ketidakpuasan diri dan ketidakpastian identiti, ketaksuban kepada media sosial dan teknologi dan tekanan akademik

Pengaruh Rakan Sebaya

Jadual 6 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item pertama yang dikenal pasti adalah '*saya merasakan pengaruh rakan sebaya yang negatif mempengaruhi remaja*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 125 orang responden yang bersamaan dengan 50 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui pengaruh rakan sebaya. Manakala seramai 106 orang responden yang bersamaan dengan 42.4 peratus telah memilih setuju bahawa pengaruh rakan sebaya telah menjadi faktor kepada wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 2.8 peratus iaitu bersamaan dengan tujuh orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula adalah seramai sembilan orang (3.6%) responden. Akhir sekali, terdapat 1.2 peratus iaitu bersamaan dengan tiga orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 6*Faktor Pengaruh Rakan Sebaya*

Pengaruh Rakan Sebaya		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	3	1.2
Tidak Setuju	9	3.6
Tidak Pasti	7	2.8
Setuju	106	42.4
Sangat Setuju	125	50.0
Jumlah	250	100.0

Kurang Didikan Agama

Jadual 7 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item kedua yang dikenal pasti adalah ‘Saya merasakan kurang didikan agama dalam kalangan remaja menjadi faktor terjadinya masalah sosial’. Hasil analisis menunjukkan seramai 130 orang responden yang bersamaan dengan 52 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui kurangnya didikan agama. Manakala seramai 89 orang responden bersamaan dengan 35.6 peratus telah memilih pernyataan setuju bahawa kurangnya didikan agama telah menjadi faktor kepada wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 8 peratus iaitu bersamaan dengan 20 orang responden manakala bagi bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 10 orang (4%) responden. Akhir sekali, terdapat 0.4 peratus iaitu bersamaan dengan satu orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa kurangnya didikan agama menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 7

Faktor Kurang Didikan Agama

Kurang Didikan Agama		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	1	0.4
Tidak Setuju	10	4.0
Tidak Pasti	20	8.0
Setuju	89	35.6
Sangat Setuju	130	52.0
Jumlah	250	100.0

Tekanan Perasaan

Jadual 8 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item ketiga yang dikenal pasti adalah ‘Saya merasakan remaja mengalami tekanan perasaan kerana faktor orang sekeliling’. Hasil analisis menunjukkan seramai 67 orang responden yang bersamaan dengan 26.8 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui tekanan perasaan yang dialami kerana faktor sekeliling. Manakala seramai 101 orang responden bersamaan dengan 40.4 peratus telah memilih pernyataan setuju bahawa tekanan perasaan telah menjadi faktor kepada wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 20 peratus iaitu bersamaan dengan 50 orang responden manakala bagi bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 27 orang (10.8%) responden. Akhir sekali, terdapat 2 peratus iaitu bersamaan dengan lima orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa tekanan perasaan menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 8*Faktor Tekanan Perasaan*

Tekanan Perasaan		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	5	2.0
Tidak Setuju	27	10.8
Tidak Pasti	50	20.0
Setuju	101	40.4
Sangat Setuju	67	26.8
Jumlah	250	100.0

Masalah Kekeluargaan

Jadual 9 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item keempat yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan masalah kekeluargaan yang dihadapi oleh remaja menjadi punca masalah sosial berlaku*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 96 orang responden yang bersamaan dengan 38.4 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui masalah kekeluargaan yang dihadapi. Manakala seramai 120 orang responden bersamaan dengan 48 peratus telah memilih pernyataan setuju. Bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 24 peratus iaitu bersamaan dengan 24 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai tujuh orang (2.8%) responden. Akhir sekali, terdapat 1.2 peratus iaitu bersamaan dengan tiga orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa masalah kekeluargaan yang dihadapi menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 9*Faktor Masalah Kekeluargaan*

Masalah Kekeluargaan		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	3	1.2
Tidak Setuju	7	2.8
Tidak Pasti	24	9.6
Setuju	120	48.0
Sangat Setuju	96	38.4
Jumlah	250	100.0

Masalah Ekonomi

Jadual 10 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item kelima yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan masalah ekonomi yang dihadapi menjadi faktor kepada masalah sosial*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 72 orang responden yang bersamaan dengan 28.8 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR

mengalami masalah sosial adalah melalui masalah ekonomi yang dihadapi. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 35 peratus iaitu bersamaan dengan 24 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 23 orang (9.2%) responden. Akhir sekali, terdapat 1.2 peratus iaitu bersamaan dengan tiga orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa masalah ekonomi yang dihadapi menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 10

Faktor Masalah Ekonomi

Masalah Ekonomi		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	3	1.2
Tidak Setuju	23	9.2
Tidak Pasti	35	14.0
Setuju	117	46.8
Sangat Setuju	72	28.8
Jumlah	250	100.0

Pengaruh Negatif Media Massa

Jadual 11 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item keenam yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan pengaruh negatif media massa yang dihadapi oleh remaja menjadi punca kepada terjadinya masalah sosial*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 104 orang responden yang bersamaan dengan 41.6 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui pengaruh negatif media massa yang dihadapi. Manakala seramai 103 orang responden bersamaan dengan 41.2 peratus telah memilih pernyataan setuju tentang item tersebut. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 10.8 peratus iaitu bersamaan dengan 27 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 13 orang (5.2%) responden. Akhir sekali, terdapat 1.2 peratus iaitu bersamaan dengan tiga orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa pengaruh negatif media massa yang dihadapi menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 11

Faktor Pengaruh Negatif Media Massa

Pengaruh Negatif Media Massa		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	3	1.2
Tidak Setuju	13	5.2
Tidak Pasti	27	10.8
Setuju	103	41.2
Sangat Setuju	104	41.6
Jumlah	250	100.0

Sikap Individualistik Masyarakat

Jadual 12 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item ketujuh yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan sikap individualistik masyarakat yang diamalkan menjadi punca faktor masalah sosial berlaku*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 68 orang responden yang bersamaan dengan 27.2 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui sikap individualistik masyarakat. Manakala seramai 115 orang responden bersamaan dengan 46 peratus telah memilih pernyataan setuju bahawa sikap individualistik masyarakat telah menjadi faktor kepada wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 17.2 peratus iaitu bersamaan dengan 43 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 19 orang (7.6%) responden. Akhir sekali, terdapat 2 peratus iaitu bersamaan dengan lima orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju bahawa sikap individualistik masyarakat yang dihadapi menjadi punca kepada remaja yang mengalami masalah sosial.

Jadual 12

Faktor Sikap Individualistik Masyarakat

Sikap Individualistik Masyarakat		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	5	2.0
Tidak Setuju	19	7.6
Tidak Pasti	43	17.2
Setuju	115	46.0
Sangat Setuju	68	27.2
Jumlah	250	100.0

Ketidakpuasan Diri dan Ketidakpastian Identiti

Jadual 13 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item kelapan yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan ketidakpuasan diri dan ketidakpastian identiti yang dihadapi oleh remaja menjadi punca masalah sosial berlaku*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 61 orang responden yang bersamaan dengan 24.4 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui ketidakpuasan diri dan ketidakpastian identity. Manakala seramai 118 orang responden bersamaan dengan 47.2 peratus telah memilih pernyataan setuju *tentang item tersebut*. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 16.8 peratus iaitu bersamaan dengan 42 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 21 orang (8.4%) responden. Akhir sekali, terdapat 3.2 peratus iaitu bersamaan dengan lapan orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju.

Jadual 13*Faktor Ketidakpuasan Diri dan Ketidakpastian Identiti*

Ketidakpuasan Diri Dan Ketidakpastian Identiti		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	8	3.2
Tidak Setuju	21	8.4
Tidak Pasti	42	16.8
Setuju	118	47.2
Sangat Setuju	61	24.4
Jumlah	250	100.0

Ketaksuban kepada Media Sosial

Jadual 14 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item kesembilan yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan ketaksuban kepada media sosial dan teknologi menjadi punca kepada wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 94 orang responden yang bersamaan dengan 37.6 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui ketaksuban kepada media sosial. Manakala seramai 116 orang responden bersamaan dengan 46.4 peratus telah memilih pernyataan setuju dengan pernyataan tersebut. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 9.2 peratus iaitu bersamaan dengan 23 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 14 orang (5.6%) responden. Akhir sekali, terdapat 1.2 peratus iaitu bersamaan dengan tiga orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju.

Jadual 14*Faktor Ketaksuban Media Massa*

Ketaksuban Media Massa		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	3	1.2
Tidak Setuju	14	5.6
Tidak Pasti	23	9.2
Setuju	116	46.4
Sangat Setuju	94	37.6
Jumlah	250	100.0

Tekanan Akademik

Jadual 15 menunjukkan faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial. Item yang kesepuluh yang dikenal pasti adalah '*Saya merasakan tekanan akademik yang dihadapi menjadi punca kepada remaja menghadapi masalah sosial*'. Hasil analisis menunjukkan seramai 47 orang responden yang bersamaan dengan 18.8 peratus telah memilih sangat setuju bagi faktor yang mendorong remaja di kawasan PPR mengalami masalah sosial adalah melalui tekanan akademik yang dialami oleh mereka di sekolah. Manakala seramai 66 orang responden bersamaan dengan 26.4 peratus

telah memilih pernyataan setuju bagi item tersebut. Selain itu, bagi pernyataan tidak pasti pula telah mendapat sebanyak 24.4 peratus iaitu bersamaan dengan 61 orang responden manakala bagi pernyataan tidak setuju pula mendapat seramai 62 orang (24.8%) responden. Akhir sekali, terdapat 5.6 peratus iaitu bersamaan dengan 14 orang responden yang memilih pernyataan sangat tidak setuju.

Jadual 15

Faktor Tekanan Akademik

Tekanan Akademik		
Skala	Bilangan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	14	5.6
Tidak Setuju	62	24.8
Tidak Pasti	61	24.4
Setuju	66	26.4
Sangat Setuju	47	18.8
Jumlah	250	100.0

Analisis Nilai Min bagi Faktor yang Mendorong Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja

Berdasarkan analisis nilai min dalam jadual 16 menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya menunjukkan purata yang tinggi (4.36) dan median yang sedikit lebih tinggi (4.50), menunjukkan bahawa sebilangan besar responden menilai pengaruh ini secara positif. Variasi yang relatif rendah (sisihan piawai 0.806) menunjukkan konsistensi dalam penilaian ini. Bagi item kurang didikan agama, purata dan median yang tinggi menunjukkan persepsi yang kuat terhadap kurangnya didikan agama. Sisihan piawai yang sedikit lebih tinggi (0.823) menunjukkan variasi yang sedikit lebih besar dalam penilaian ini tetapi masih dalam julat yang konsisten. Seterusnya, bagi item faktor tekanan perasaan nilai purata menunjukkan penilaian yang agak rendah berbanding dengan pembolehubah lain, dengan median yang menunjukkan bahawa separuh daripada responden memberi penilaian 4. Sisihan piawai yang lebih tinggi (1.020) menunjukkan variasi yang lebih besar dalam penilaian tekanan perasaan.

Jadual 16

Nilai Min bagi Faktor yang Mendorong Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja

Item	Nilai Min	Median	Mod	Std. Deviation	Min	Max
Pengaruh rakan sebaya	4.36	4.50	5	.806	1	5
Kurang didikan agama	4.35	5.00	5	.823	1	5
Tekanan perasaan	3.79	4.00	4	1.020	1	5
Masalah kekeluargaan	4.20	4.00	4	.815	1	5
Masalah ekonomi	3.93	4.00	4	.950	1	5
Pengaruh negatif media massa	4.17	4.00	5	.903	1	5
Sikap individualistik masyarakat	3.89	4.00	4	.959	1	5
Ketidakpuasan diri dan ketidakpastian identiti	3.81	4.00	4	1.002	1	5
Ketaksuban kepada media sosial dan teknologi	4.14	4.00	4	.886	1	5
Tekanan akademik	3.28	3.00	4	1.190	1	5

Bagi item masalah kekeluargaan, purata dan median menunjukkan penilaian yang agak tinggi dan nilai sisihan piawai yang rendah (0.815) menunjukkan bahawa penilaian adalah konsisten dalam kalangan responden. Manakala bagi item masalah ekonomi pula, nilai purata menunjukkan sedikit lebih rendah berbanding pembolehubah lain menunjukkan penilaian sederhana terhadap item ini. Seterusnya bagi item pengaruh negatif media massa menunjukkan purata yang agak tinggi (4.17) dengan median yang menunjukkan penilaian yang lebih tinggi. Sisihan piawai yang sederhana (0.903) menunjukkan variasi dalam penilaian ini. Begitu juga bagi item sikap individualistik masyarakat menunjukkan nilai purata yang agak tinggi. Namun, nilai sisihan piawai yang sederhana (0.959) menunjukkan variasi yang sederhana dalam penilaian. Item ketidakpuasan diri dan ketidakpastian identiti menunjukkan purata yang agak rendah tetapi masih tinggi secara relatif (3.81), dengan median dan mod pada 4. Sisihan piawai yang lebih tinggi (1.002) menunjukkan variasi dalam penilaian. Seterusnya, nilai purata menunjukkan penilaian yang tinggi terhadap ketaksuban kepada media sosial dan teknologi, dengan median dan mod pada 4. Sisihan piawai yang sederhana (0.886) menunjukkan variasi dalam penilaian ini. Bagi item yang terakhir iaitu faktor tekanan akademik menunjukkan purata yang paling rendah (3.28) dengan median pada 3. Sisihan piawai yang tinggi (1.190) menunjukkan variasi yang besar dalam penilaian terhadap tekanan akademik.

PERBINCANGAN KAJIAN

Secara keseluruhan, data ini menunjukkan variasi dalam penilaian responden mengenai pelbagai faktor sosial dan peribadi. Faktor seperti pengaruh rakan sebaya, kurang didikan agama, dan pengaruh negatif media massa mendapat penilaian yang lebih tinggi berbanding faktor lain seperti tekanan akademik. Sisihan piawai untuk kebanyakan pembolehubah menunjukkan tahap variasi yang sederhana hingga tinggi, menandakan bahawa terdapat perbezaan dalam penilaian di kalangan responden. Berdasarkan penemuan kajian ini juga faktor yang dilihat memberi impak yang paling tinggi adalah melalui pengaruh rakan sebaya yang negatif telah mempengaruhi remaja di kawasan tersebut. Penemuan ini sama dengan kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan rakan sebaya sememangnya memberikan pengaruh paling tinggi. Berdasarkan pandangan kajian terdahulu juga menyatakan bahawa rakan sebaya adalah individu yang paling dekat selepas keluarga menyebabkan mereka cenderung untuk mengikuti tingkah laku rakan-rakan. (Noor Adila et al., 2020; Nurzatil et al., 2021; Zakaria et al., 2012; Zainudin & Norazmah, 2011). Hal ini bertepatan dengan kajian lepas Nor Khairiah dan Siri Fardaniah (2019) yang menyatakan pengaruh rakan sebaya dan juga kurangnya didikan agama menjadi faktor utama remaja mengalami masalah sosial di kawasan Program Perumahan Rakyat.

Pengaruh rakan sebaya, atau pengaruh kawan-kawan sebaya, merujuk kepada kesan yang dihadapi oleh individu, terutama remaja, daripada rakan-rakan dalam kumpulan sosial mereka. Pengaruh ini boleh menjadi positif atau negatif bergantung pada jenis tingkah laku dan nilai yang dipromosikan dalam kumpulan tersebut. Antara kesan negatif ialah rakan sebaya yang terlibat dalam tingkah laku berisiko seperti merokok, penyalahgunaan dadah, dan kegiatan jenayah boleh mempengaruhi individu untuk mengikuti mereka. Selain itu, remaja akan menghadapi tekanan untuk menyesuaikan diri dengan norma rakan sebaya boleh mengakibatkan konflik identiti, di mana individu merasakan terpaksa mengubah diri untuk diterima.

Selain daripada faktor rakan sebaya, faktor yang turut memberi impak yang sederhana adalah faktor ketidakpuasan diri dan ketidakpastian identiti yang dihadapi oleh remaja. Dari sudut identiti, Teori Erikson (1968) menyatakan bahawa belia yang mengalami peralihan identiti iaitu “*identity moratorium*” atau “*diffusion*” cenderung berhadapan dengan masalah emosi dan sosial akibat rasa tidak

stabil dalam diri. Kajian oleh Noordin et al. (2020) turut menunjukkan bahawa harga diri yang rendah (*low self-esteem*), yang sering dikaitkan dengan ketidakpuasan diri, adalah antara penyumbang utama kepada masalah emosi dan sosial dalam kalangan remaja. Mereka yang mempunyai tahap keyakinan diri yang lemah akan lebih mudah mengalami kemurungan, keresahan dan kurang kebolehan membuat keputusan yang bijak apabila berdepan tekanan sosial. Situasi ini sama dengan kajian oleh Yusof dan Ibrahim (2019) dalam kalangan pelajar sekolah menengah mendapati bahawa remaja yang tidak mempunyai hala tuju identiti yang jelas lebih terdedah kepada tingkah laku berisiko kerana mereka mencari pengiktirafan dan penerimaan daripada rakan sebaya melalui cara yang negatif. Seterusnya, faktor yang paling rendah adalah tekanan akademik yang dialami oleh remaja. Penemuan ini mungkin dipengaruhi oleh kumpulan responden pengkaji yang bukan terdiri daripada pelajar sekolah. Justeru ianya memberi impak kepada penemuan kajian ini.

KESIMPULAN

Masalah sosial dalam kalangan remaja bukan lagi merupakan isu yang asing dalam kehidupan masyarakat masa kini. Remaja berdepan dengan pelbagai cabaran yang boleh memberikan kesan negatif terhadap perkembangan diri, kesejahteraan mental, dan masa depan mereka. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja, antaranya ialah pengaruh rakan sebaya yang memainkan peranan besar dalam mempengaruhi tingkah laku remaja. Selain itu, penemuan kajian ini turut menunjukkan bahawa ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha menangani masalah sosial yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Antaranya ialah kekurangan pengawasan daripada ibu bapa sendiri. Tanpa pengawasan yang mencukupi, anak-anak lebih terdedah kepada tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan dadah, pengambilan alkohol, serta penglibatan dalam kegiatan jenayah. Kajian ini juga menilai beberapa langkah yang boleh diambil oleh keluarga, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan pihak berkuasa dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja. Antaranya ialah dengan menyediakan program-program intervensi yang bersesuaian seperti menggalakkan penglibatan remaja dalam aktiviti kesukarelawanan dan khidmat masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja dapat memupuk rasa tanggungjawab sosial, malah turut membantu dalam membina kemahiran interpersonal dan jati diri dalam kalangan remaja.

RUJUKAN

- Absha Atiah & Mohd Isa. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1-17.
- Aisyah, N. (2017). Peranan keluarga dalam menangani masalah sosial remaja: Satu kajian kes. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 6(2), 77-91.
- Ahmad, N., & Sulaiman, R. (2019). Pengaruh media sosial terhadap masalah sosial dalam kalangan remaja. *Jurnal Kajian Sosial Malaysia*, 15(3), 55-70.
- Ahmad, S. N., Hassan, R., & Ismail, A. (2018). Environmental factors and adolescent social behavior: A study on urban communities. *Journal of Social Sciences*, 14(3), 102-115.
- Ezhar, Dr. Jusong, Mohamad Rezal & Zamree Yaakob. (2007). Masalah sosial dan kesedaran sivik generasi muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar. *Institusi Pengajian Sains Sosial*, 2-28.
- Hanafi, Z. (2020). Faktor-faktor penyumbang kepada masalah jenayah dalam kalangan remaja. *Jurnal Psikologi dan Pendidikan*, 12(2), 33-48.

- Ismail Zakaria, Dr. Jamaludin & Dr. Kamarudin. (2019). Kesepakatan komuniti dalam menangani kegiatan jenayah kejiwaan di Malaysia menggunakan pendekatan skim rondaan sukarela (SRS). *International Journal of Social Policy and Society*, 1-21.
- Kamaruddin, S. (2017). Social environment and youth vulnerability in public housing areas. *Journal of Malaysian Social Work*, 5(1), 33-47.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (n.d). Program Perumahan Rakyat (PPR Dimiliki).
- Mohd Nasir et al. (2018). Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). *Malaysia Journal of Society and Space*, 14(4), 115-126.
- Muhammad Izudin Amin & Nur Hafizah. (2020). Komuniti sebagai agen kawalan sosial tidak formal dalam menangani masalah sosial. *Journal of Sosial Sciences and Humanities*, 17(6), 80-92.
- Mohamad Afandi, Mohd Sabree, Ikmal Hafiz, Muhammad Hasif & Muhd Najib. (2022). *Peranan undang-undang jenayah syariah dalam menangani isu gejala sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia*. Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Melaka.
- Nik Mohd Azim, Shahida Shahimi, Mohd Adib & Muhammad Hakimi. (2020). Faktor penyebab penyisihan sosial dalam kalangan masyarakat berdasarkan sorotan karya bersistematik dan keperluan analisis lanjut daripada perspektif Islam. *ISLAMIYYAT*, 42(1), 31-38.
- Noor Adilah, Nor Jana & Ezarina. (2020). Faktor pelindung dalam kalangan remaja di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur: Kajian awalan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(3), 42-52.
- Nor Khairiah & Siti Fardaniah. (2019). Faktor remaja lari dari rumah dalam kalangan komuniti PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang, Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-8.
- Nor Emyzura, Parthiban S. Gopal, Maslina Mohammed, Nor Malina & Mohd Haizzam. (2021). Kesejahteraan dalam pembangunan komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR): Suatu pemerhatian awal. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(10), 292-302.
- Norsahida Sakira, Mohammad Mujahed, Farah Husna, Azlina Mohd Khair & Wan Munira. (2021). Faktor sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 106-118.
- Nurzatil Ismah, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah & Nur Fatimah. (2021). Cabaran membentuk akhlak remaja melalui persekitaran sosial dan perkembangan teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118-129.
- Rahman, F. A., & Latiff, N. A. (2021). Family environment and peer influence on adolescent social problems. *Asian Journal of Psychology*, 9(4), 210-225.
- Rahman, A. (2018). Kesan keluarga tidak harmoni terhadap perkembangan sosial remaja. *Jurnal Sosiologi dan Kebajikan*, 9(4), 44-58.
- Saiful, R., & Norlina, M. (2020). The influence of neighborhood crime rates on adolescent delinquency. *Malaysian Journal of Community Development*, 7(1), 56-70.
- Wan Farhana Wan Zainuddin & Sakinah Salleh. (2022). Pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan nilai moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 552-562.
- Yusof, N. A., & Ahmad, R. (2019). Isu sosial dan cabaran komuniti di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 45(3), 123-135.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 155-172.
- Zainuddin, N., & Farah, H. (2019). Recreational spaces and youth behavior: A study of urban public parks. *Journal of Urban Studies*, 12(2), 89-103.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, Jilid 1*, 115-140.

- Zulfikri Abd. Wahab, Yohan Kurniawan & Haris Abd. Wahab. (2014). Pengurusan masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir di Kelantan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 24, 1-22.
- Zulkifli, M. H., & Rozita, I. (2020). Cabaran keluarga berpendapatan rendah dalam membentuk sahsiah remaja di bandar. *Malaysian Journal of Family and Society*, 4(1), 45-60.
- Zaiton Azman. (2020). Pengawasan komuniti dan pencengahan jenayah di Malaysia: Sejarah perkembangan. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2).